


231-15360



**Indera Kayangan gelaran negeri,
Tarian canggung seni berhibur;
Betapapun kecil negeri sendiri,
Rakyat bahagia rezekinya makmur.**

untuk isteriku serta anak-anak tercinta



Siri Lambaian Nusa

Perlis

Asmad



Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.

Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
Jalan Air Leleh,
Melaka, Malaysia.

ad
n Pertama Disember, 1987.

67-948-158-1 (Siri)
67-948-165-4

511
IPTA TERPELIHARA. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan
, disimpan untuk pengeluaran, ditukar ke dalam apa bentuk sekali-
mada secara letron, sawat, rakaman, gambar atau sebagainya tanpa
n dahulu meminta kebenaran daripada Associated Educational
utors (M) Sdn. Bhd.

x oleh Polygraphic Press Sdn. Bhd., Cheras, Selangor.

850855
Hadiah

12 MAR 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia

KATA-KATA ALUAN


Mengenalinya negara sendiri dapat memupuk perasaan cintakan negara dan menimbulkan rasa bangga menjadi warganegarannya. Itulah matlamat yang ingin dicapai dalam usaha penulisan **Siri Lambaian Nusa** ini.

Siri ini lebih merupakan bahan bacaan tambahan bagi murid peringkat sekolah rendah atas dan pelajar sekolah menengah. Isinya yang padat, memberikan keterangan ringkas mengenai bentuk fizikal, ekonomi, sejarah dan kebudayaan setiap negeri di Malaysia. Keistimewaan siri ini ialah kerana isinya meliputi juga keterangan mengenai tempat-tempat bersejarah dan menarik yang boleh dilawati dan ciri-ciri seni budaya yang terdapat di setiap negeri yang dibicarakan. Semuanya ini disampaikan dengan gaya bahasa yang menarik dan mudah difahami.

Siri Lambaian Nusa ini pasti dapat menolong generasi muda untuk mengenalinya negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini secara lebih dekat. Penulisnya, ASMAD, yang sepanjang hidupnya telah mengabdikan diri kepada sejarah dan kebudayaan bangsa, menggunakan pengalamannya sebagai guru dan penulis dengan berkesan dalam menyusun siri ini.

Kenalilah Malaysia,

Cintailah Malaysia.



Prof. Datuk Ismail Hussein
(Ketua Satu Gapena)

WA

Malaysia mengandungi tiga belas buah negeri dan dua wilayah dinamakan Wilayah Persekutuan. Setiap satunya mempunyai iklim, alam dan pentadbirannya, keindahan, ciri-ciri budaya dan kesan sejarahnya sendiri, dalam lingkungan Negara Malaysia.

Penyusunan ini memaparkan maklumat-maklumat terpenting mengenai aspek-aspek tersebut bagi setiap negeri dan wilayah serta termasuk juga tentang Malaysia sebagai sebuah negara.

Maklumat-maklumat telah saya kumpul sejak awal tahun enam puluhan. Dalam beberapa aspek merupakan hasil pengalaman penglibatan dan tinjauan saya dari sebelum perang dunia yang lampau hingga kini.

Maklumat-maklumat terbaru dan semasa saya dapat daripada kunjungan saya ke tempat-tempat yang berkaitan.

Kelemahannya pasti terdapat di dalam buku ini kerana kemampuan saya sendiri adalah terbatas. Mudah-mudahan ini memberikan munafa'at kepada pembaca umumnya, terutama kepada putera-puteri Malaysia yang tercinta.

Harap membaca.

alam,


(MAD)

KANDUNGAN

Pengenalan

- | | |
|-------------------------|----|
| 1. Perlis | 5 |
| 2. Lintasan Sejarah | 9 |
| 3. Alam dan Pentadbiran | 28 |
| 4. Keindahan Perlis | 40 |
| 5. Ciri-ciri Budaya | 58 |
| 6. Kesan-kesan Sejarah | 68 |

RUJUKAN

V
r
e

BENDERA NEGERI PERLIS



Warna kuning maksudnya D.Y.M.M. Raja. Warna biru maksudnya rakyat. Bendera itu maknanya kerjasama yang erat diantara Raja dengan rakyat Baginda.

LAMBANG NEGERI PERLIS




Lengkar padi itu maksudnya pekerjaan utama dan hasil utama Negeri iaitu padi. Perisai tanda kebanggaan dan kehormatan Negeri itu. Lambang itu keseluruhannya bermakna kebanggaan Negeri itu kerana kekayaan hasil padinya.

*LAGU KEBESARAN NEGERI
PERLIS*

PERLIS

Amin Amin ya Rabaljalil
Doa hamba yang sangat zalil
Kekalkan daulat serta adil
Bagi perintah Jamalullail.

PETA NEGERI PERLIS



I. PERLIS

PERLIS adalah sebuah negeri yang paling kecil di Malaysia. Pada zaman lampau hubungannya dengan negeri Kedah Darul Aman amat erat bahkan dari segi sejarah asalnya negeri ini adalah sebahagian daripada bumi Kedah. Pada masa dahulu dalam mata pelajaran Ilmu Alam di sekolah-sekolah rendah dikatakan bahawa Perlis adalah ibarat sejoreng daripada sekeping kuih negeri Kedah. Gelaran bagi negeri ini ialah Indera Kayangan.

Bendera negeri Perlis berwarna kuning di bahagian atas dan di bahagian bawahnya berwarna biru. Warna kuning adalah melambangkan raja negeri ini. Warna biru membawa erti rakyat negeri Perlis. Dua warna ini melambangkan betapa eratnya hubungan serta kerjasama diantara raja yang memerintah dengan rakyat negeri yang bergelar Indera Kayangan itu.

Lambang negeri Perlis berbentuk sebuah perisai berbucu tujuh dan di atasnya terlukis suatu lingkaran berwarna kuning dan tertulis nama Perlis di tengah-tengahnya. Perisai berwarna hijau itu sebahagiannya dilingkungi pula lukisan padi yang membawa maksud bahawa pekerjaan dan hasil utama negeri ini ialah padi. Perisai adalah tanda kebanggaan dan kehormatan negeri. Lambang negeri pada keseluruhannya membawa erti kebanggaan negeri ini kerana hasil padinya.

l nama negeri Perlis dikaitkan dengan nama Langka-
Menurut cerita, kononnya negeri Langkasuka pada
dahulu amat masyhur. Ia menjadi tumpuan para
ang dari negeri-negeri yang berhampiran dengan utara
Perlis, terutama negeri Siam, Burma dan termasuk
negeri India dan China. Orang-orang dari Siam yang
g berniaga ke negeri Langkasuka pada masa itu dikata-
erap melihat buah-buah kelapa yang hanyut di kuala
i Perlis. Orang Siam menggelar tempat tersebut sebagai
Phrau Loi, maksudnya dalam bahasa Melayu *sungai
-kelapa hanyut*. Bagaimanapun orang Melayu tidak
menyebut dengan betul perkataan Phrau Loi. Mereka
ebut *Perleh*. Daripada sebutan itulah lama-kelamaan
ini kekal dengan namanya Perlis.

a pula cerita lain yang agak menarik. Kononnya nama
ini ada kaitannya dengan istana sultan Kedah pada
dahulu. Menurut cerita, letak istana sultan itu di
n-tengah kawasan sawah. Keadaan tanah sawah tempat
itu didirikan agak bahaya jika tidak berhati-hati
an di situ lebih-lebih lagi pada musim banjir atau musim
ujuh. Oleh kerana keadaan tanah itu lembap maka
orang yang lalu di kawasan itu kerap terperlus ke
sawah. Oleh sebab kejadian itu telah menjadi perkara
orang memberikan nama kawasan itu sebagai kawasan
l. Daripada kalimat perlus itu akhirnya menjadi Perlis.

enarnya belum ada keterangan yang pasti tentang asal-
ama Perlis. Yang jelas, Perlis sebelum menjadi sebuah
adalah sebahagian daripada tanah negeri Kedah. Dari
asio budaya penduduk kedua buah negeri ini tidak ada
taan yang ketara. Bagaimanapun dalam beberapa hal
duk negeri Perlis terutama di bahagian utaranya
k menerima pengaruh dari penduduk Siam selatan.
-orang Melayu dari Siam selatan ramai yang datang
ga secara kecil-kecilan di pekan Padang Besar di
an negeri Perlis. Tarian Canggung yang amat terkenal
eri Perlis sangat dipengaruhi oleh seni tari Siam.

Salah satu sebab ramai pelancong Malaysia tertarik hati datang ke Perlis adalah kerana keinginan mereka pergi ke pekan Padang Besar iaitu salah satu pekan utama di negeri ini. Oleh kerana letak pekan ini bersempadan dengan negeri Siam, banyak barang dari negeri itu di jual di pekan ini. Pelbagai jenis barang dari Siam itu dapat dibeli dengan harga yang murah, bahkan ada di antara barang-barang itu tidak ada dijual di tempat-tempat lain di Malaysia.

Satu lagi pekan yang menjadi tumpuan orang ramai yang datang ke negeri Perlis ialah pekan Kuala Perlis. Pekan ini merupakan pangkalan utama dan yang paling dekat dengan Pulau Langkawi. Pulau Langkawi terletak dalam pemerintahan negeri Kedah, namun orang-orang dari Kedah sendiri yang hendak pergi ke Pulau Langkawi akan melalui pangkalan Kuala Perlis. Bagi mereka yang tidak mengetahui kedudukan pulau itu yang sebenar tentu menyangkakan ia adalah kepunyaan negeri Perlis.

Negeri yang paling kecil di Malaysia ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri terutama tentang keadaan alam semula jadinya dan juga sistem pentadbirannya. Para pengunjung negeri ini akan dapat merasakan keistimewaan negeri Indera Kayangan itu. Kawasan tanah yang tidak begitu luas membolehkan kita meninjau ke seluruh negeri ini dalam masa yang singkat.

Apabila mengunjungi negeri Perlis yang luasnya besar sedikit daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kita akan tersua dengan beberapa pemandangan yang menarik. Walaupun luas sawah padinya tidak seluas sawah padi di Kedah, namun negeri comel ini boleh juga digelar sebagai jelapang padi kecil Malaysia. Sebagai masyarakat pesawah atau petani pada umumnya kehidupan penduduk negeri ini bersifat sederhana, berbudi bahasa dan ramah mesra. Mereka tidak gelisah seperti masyarakat kota. Mereka tenang dan tabah menghadapi hidup, melambangkan masyarakat yang sentiasa bersyukur dan taat beragama.

an-kesan sejarah yang terdapat di sekitar negeri ini dikunjungi dengan mudah. Demikian juga tempat-tempat yang menarik dan bandar atau pekan utama negeri ini disinggahi dalam suatu perjalanan yang tidak mengemasa yang terlalu lama. Dalam suatu perjalanan kita mengunjungi tiga tempat penting iaitu Kuala Perlis, Kangar Besar dan Wang Kelian. Ketiga-tiga tempat ini merupakan pintu masuk ke negara kita ini melalui negara yang terdekat iaitu Thailand.

Walaupun kecilnya negeri ini namun ia merupakan sebuah negeri yang menarik di Malaysia. Pembangunan negeri ini dilakukan secara peringkat demi peringkat di semua sektor. Di samping mempertingkatkan sektor pertanian yang menjadi asas kepada ekonomi negeri ini, beberapa sektor lain sedang diusahakan bagi kepentingan rakyat dan kemajuan negeri Indera Kayangan ini.

II. *Lintasan Sejarah*

Keistimewaan negeri Perlis adalah tentang sejarah wujudnya sebagai sebuah negeri dan salasilah raja yang memerintah. Perlis sebagai sebuah negeri wujud pada pertengahan kurun yang ke-19 Masihi. Ia merupakan negeri yang termuda di Malaysia. Negeri yang luasnya lebih kurang 795 kilometer persegi ini, pada asalnya adalah sebahagian daripada negeri Kedah Darul Aman. Maka itu, sejarah negeri Perlis boleh dikatakan sebagai cabang daripada sejarah negeri Kedah.

Asal nama negeri Perlis tidak dapat dipastikan dengan jelas kerana sehingga kini masih belum ditemui keterangan bertulis yang khusus mengenainya. Bagaimanapun terdapat beberapa cerita mulut tentang asal nama negeri ini. Cerita yang agak menarik menghubungkan nama negeri ini dengan sejarah kewujudannya sebagai sebuah negeri. Ia dikatakan berasal daripada perkataan *peroleh* iaitu negeri ini diperoleh daripada kurnia atau pemberian raja.

Cetita ini agak menarik dan ada hubungannya dengan peristiwa sejarah negeri Kedah yang menjadi induk kepada tanah negeri ini sebelum menjadi sebuah negeri yang tersendiri. Dalam sejarah negeri Kedah, pada tahun 1798 Sultan Abdullah Muakarram Syah yang memerintah negeri itu mangkat. Oleh sebab putera almarhum belum dewasa, maka adik baginda bernama Tunku Dhiauddin iaitu Raja Muda Kayang dan Setul dilantik menjadi pemangku sultan Kedah bergelar Sultan Dhiauddin Muakarram Syah.

da masa pemerintahan Almarhum Sultan Abdullah
a Kedah diperintah oleh pemangku sultan iaitu Sultan
uddin Syah orang Arab telah tinggal dan berniaga di
i itu. Hubungan saudagar-saudagar Arab dengan
gan istana agak rapat. Sultan Dhiauddin Shah telah
ahwinkan puterinya dengan seorang pemuda peranakan
bernama Syed Harun Jamalullail. Sultan Dhiauddin
mengurniakan kawasan tanah Arau kepada puteri
da Tunku Safiah dan suaminya dan menjadi pusaka
ka turun-temurun.

rita yang lain pula mengatakan nama Perlis berasal
ada sebuah pusara yang dianggap keramat dan ber-
a yang dikenali sebagai pusara Tok Perlis. Anehnya
a itu menyebutkan pula bahawa pusara yang dianggap
mat dan berpuaka itu mesti dihormati. Jika pusara itu
dihormati yakni dilanggar pantang-larang ketika
arahinya, dari pusara itu akan menjelma seekor ular
alar-jalar di sekitar kawasan pusara itu.

ua lagi cerita tentang asal-usul nama Perlis telah
atakan dalam bab pertama buku ini iaitu cerita yang
ma mengatakan ia berasal daripada perkataan Siam
u *Loi*, kemudian orang Melayu menyebutnya *perleh*.
a yang kedua dikatakan berasal daripada perkataan
s.

ntara empat cerita mulut yang dinyatakan di atas, cerita
pertama iaitu berasal daripada perkataan *peroleh* lebih
t diterima oleh umum. Ia amat bersesuaian dengan
ah sebenar asal mulanya kawasan tanah negeri ini hingga
jadi sebuah negeri yang wujud sekarang. Sudah ditakdir-
Allah kawasan tanah Arau yang pada mulanya berupa
gerah daripada sultan, kemudiannya menjadi sebuah
ri yang tersendiri.

pabila sampai masanya, Sultan Dhiauddin sebagai
angku sultan Kedah menyerahkan pemerintahan negeri
kepada anak saudaranya Tunku Ahmad Tajuddin iaitu
s sebenar sultan negeri itu. Baginda bergelar Sultan

Ahmad Tajuddin Halim Syah II. Tunku Dhiauddin memegang semula jawatan asalnya sebagai Raja Muda Kayang dan Setul. Sebagai sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II menyetujui kawasan Arau dianugerahkan kepada Syed Harun, dan baginda melantik Syed Harun memerintah Arau, bertaraf sebagai penghulu pertama daerah itu.

Syed Harun suami Tunku Safiah adalah anak kepada Syed Jamalullail yang berasal dari Semenanjung Arab. Syed Jamalullail telah datang ke Tanah Melayu pada tahun 1735. Setibanya di Tanah Melayu beliau menuju ke Kedah. Di Alor Setar, beliau telah berkenalan dengan Muhammad Taha Al-Qadri iaitu seorang saudagar Arab yang telah lama menetap di Alor Setar. Saudagar tersebut mempunyai pertalian keluarga dengan kerabat diraja Kedah dan beliau sendiri telah beristerikan seorang kerabat diraja negeri itu. Hasil daripada perkahwinan itu Syed Muhammad Taha mendapat dua orang anak lelaki, diberi nama Syed Ibrahim Al-Qadri dan Syed Omar Al-Qadri. Seorang lagi anaknya ialah perempuan bernama Sharifah Aminah.

Kisah selanjutnya, Syed Ahmad Jamalullail berkahwin pula dengan Sharifah Aminah anak kepada Syed Muhammad Taha Al-Qadri. Perkahwinan mereka dikurniakan oleh Allah seorang cahaya mata, diberinya nama Syed Harun Jamalullail. Ketika usia Syed Harun meningkat 15 tahun bapanya Syed Ahmad Jamalullail meninggal dunia. Beberapa tahun kemudian daripada peristiwa itu ibunya pula iaitu Sharifah Aminah meninggal dunia. Selepas kematian ibunya, Syed Harun hidup bersendirian di Alor Setar. Kedua-dua bapa saudaranya iaitu Syed Ibrahim dan Syed Omar Al-Qadri telah berpindah berniaga di Patani.

Untuk mendapatkan kedua-dua bapa saudaranya itu, Syed Harun telah menghadap Tunku Dhiauddin yang menjadi Raja Muda di Kayang-Setul. Baginda bersemayam di Kota Indera Kayangan. Setelah mendapat restu daripada Tunku Dhiauddin beliau pergi menemui bapa saudaranya di Cenak.

aktu di Cenak, Syed Harun telah dikahwinkan dengan
arifah Mariam iaitu anak kepada bapa saudaranya Syed
Ibrahim. Di Cenak Syed Ibrahim menggelarnya Tuk Cenak
gelaran Sharifah Mariam ialah Nan Yam.

Syed Harun membuka perniagaan di Cenak dan sambil itu
juga mengajar penduduk setempat mengaji al-Quran dan
ajaran agama Islam. Dengan usahanya yang gigih, per-
kayaannya bertambah maju dan dianggap sebagai orang
kaya di sana serta disegani oleh masyarakat Cenak. Bagai-
manapun akibat daripada kekayaannya itu timbul pula fitnah
terhadap dirinya. Hasutan fitnah itu disampaikan pula
kepada raja Ligor kerana pada masa itu negeri-negeri di utara
 Semenanjung Melayu di bawah pemerintahan Siam yang diletakkan
 di bawah kuasa pentadbiran Ligor. Raja Ligor mengirim surat
 memanggil Syed Harun datang menghadap.

Setelah berunding dengan bapa saudaranya yang juga bapa
 mertuanya Syed Ibrahim, Syed Harun menolak panggilan
 dari raja Ligor itu. Beliau dan bapa mertuanya serta 500
 orang pengikutnya meninggalkan Cenak. Kemudiannya Syed
 Harun menghadap Tunku Dhiauddin di Istana Indera
 Mahkota untuk menerangkan peristiwa yang telah berlaku
 dan langkah yang diambilnya itu. Pada masa itu Tunku
 Dhiauddin menjadi pemangku sultan Kedah. Syed Harun
 memohon pertolongan daripada pemangku sultan sambil
 menjelaskan bahawa bonda bapa saudaranya iaitu Syed
 Ibrahim Al-Qadri adalah keluarga baginda juga.

Tunku Dhiauddin yang ketika itu bergelar Sultan
 Dhiauddin telah memberikan pertolongan kepada rom-
 bongan Syed Harun. Baginda sendiri telah memilihkan
 tempat tinggal bagi keluarga Syed Harun. Dengan peristiwa
 itu wujudlah dua buah kampung baru di kawasan itu. Satu
 daripadanya dinamakan Arau iaitu tempat tinggal keluarga
 Syed Harun dan bapa saudaranya Syed Ibrahim yang dikenali
 dengan panggilan Tuk Ku Cenak. Sebuah kampung lagi
 dinamakan Padang Siding iaitu tempat tinggal pengikut-
 pengikut Syed Harun membuat kampung halaman di situ.

Beberapa bulan kemudiannya Syed Harun mendapat seorang anak perempuan lalu dinamakannya Sharifah Fatimah. Beberapa bulan berselang, bapa mertuanya Syed Ibrahim meninggal dunia. Kemudiannya isterinya Sharifah Mariam pula meninggal dunia. Sultan Dhiauddin turut berdukacita terhadap peristiwa yang dialami oleh Syed Harun itu.

Tidak berapa lama selepas peristiwa kematian isterinya, Syed Harun Jamalullail dikahwinkan dengan Tunku Safiah iaitu puteri Sultan Dhiauddin. Nama timang-timangan puteri itu ialah Tunku Tanjung dan perkahwinan mereka diadakan mengikut adat istiadat diraja Kedah. Suami isteri itu menetap di Arau. Sultan Dhiauddin membuat surat ikrar menyerahkan mukim Arau kepada Syed Harun Jamalullail dan mukim itu menjadi hak pusaknya turun-temurun. Peristiwa itu berlaku dalam bulan Ogos 1797. Di Arau, Syed Harun dipanggil orang dengan gelaran Tuan Harun, sementara isterinya digelar oleh orang ramai dengan panggilan Tunku Ku Cik.

Oleh kerana beberapa lama telah berkahwin mereka tidak mendapat anak, dengan keizinan isterinya Syed Harun berkahwin pula dengan Wan Fatimah. Dengan isteri barunya Syed Harun beroleh dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Masing-masing bernama Syed Husein Jamalullail, Syed Abdullah Jamalullail, Sharifah Aishah dan Sharifah Aminah. Syed Husein dijadikan anak angkat oleh Tunku Safiah, puteri Sultan Dhiauddin dan tinggal bersama Tunku Dhiauddin di Istana Indera Kayangan.

Tunku Dhiauddin mangkat dalam bulan Januari 1813 di Istana Indera Kayangan, bergelar Marhum Kayang. Al-marhum menjadi pemangku sultan Kedah selama enam tahun (1798 — 1804). Setelah mendapat pengesahan daripada sultan Kedah tentang haknya ke atas tanah Arau dan beliau dilantik menjadi penghulu, Syed Harun menjalankan perniagaannya sendiri. Beliau dan isterinya Tunku Safiah telah mengahwinkan Syed Husein Jamalullail iaitu anak Syed

run isterinya Wan Fatimah, dengan Safiah binti Awang. mudiannya Syed Husein Jamalullail mendapat seorang anak, dinamakannya Syed Ahmad Jamalullail.

Dalam perkembangan yang lain Tunku Yaakub yang dikenali juga dengan nama Tunku Embun iaitu adik sultan Kedah telah memerintahkan orang-orangnya menembak meriam ke arah Mukim Arau. Tindakannya itu adalah kerana beliau amat marah terhadap sultan Kedah yang tidak dilantik menjadi Raja Muda memerintah Kayang dan Setul. Beliau hanya dilantik menjadi Raja Muda Kedah sebagai raja. Dengan serangannya itu Tunku Embun mengharap-kan penduduk-penduduk Arau dan Syed Harun sendiri supaya berpindah ke tempat lain. Rancangan dan tujuannya itu gagal kerana Syed Harun dan penduduk-penduduk di situ tidak berasa cemas, bahkan mereka terus menetap di perampungan itu. Peristiwa itu disampaikan kepada sultan, namun Tunku Embun cuba pula mencari jalan lain untuk mencapai cita-citanya itu.

Syed Harun Jamalullail meninggal dunia dalam bulan Mei tahun 1825 di Arau. Jenazahnya dikebumikan di Makam Arau. Apabila kematian Syed Harun disampaikan kepada sultan Kedah, baginda menitahkan supaya Syed Husein Jamalullail kembali ke Arau lalu dilantik menjadi penghulu yang kedua di Arau bagi menggantikan Allahyarham Syed Harun.

Dalam tahun 1821 suatu pasukan askar Siam-Ligor yang diketuai oleh Phya Sina Muncit anak raja Ligor menyerang Kayang. Mereka menyerang beberapa buah kampung dan daerah di seluruh negeri Kedah termasuk Kayang dan Setul. Keganasan askar-askar tersebut membunuh rakyat negeri Kedah disampaikan kepada Syed Husein Jamalullail. Dengan persetujuan semua pihak Syed Husein berundur serta memindahkan anak isterinya ke Kedah. Beliau sendiri akan kembali ke Arau untuk bertahan serta melancarkan serangan terhadap askar-askar Siam-Ligor itu.

Dalam perjalanan ke Kedah, didapatinya sultan sendiri telah berangkat ke Pulau Pinang untuk melindungi diri daripada serangan musuh itu. Syed Husein Jamalullail serta orang-orangnya terpaksa menuju ke Pulau Pinang lalu menghadap Sultan Ahmad Tajuddin yang sedang bersemayam di Kelawai. Sultan Ahmad memberitahu Syed Husein bahawa serangan Siam-Ligor itu adalah atas kehendak adiknya sendiri iaitu Tunku Yaakub (Tunku Embun). Setelah serangan Siam-Ligor reda sedikit baharulah Syed Husein kembali semula ke Arau.

Setelah sampai di Arau, Syed Husein mengambil langkah bersatu tenaga dengan orang-orang Kedah untuk menentang musuh bersama itu. Persetujuan ramai diambil supaya Syed Husein berjumpa Tunku Anum untuk menerangkan rancangan mereka. Tunku Anum adalah orang terkanan di dalam kerabat diraja Kedah. Beliau berkebolehan dan banyak pengalaman dalam hal ehwal peperangan. Dalam perundingan bersama-sama Tunku Anum mereka mengambil keputusan supaya mengadakan pertemuan dengan orang-orang Melayu Kedah secara sulit dan ia diadakan di Bukit Kelpu. Pertemuan serta perundingan itu telah berjaya menubuhkan beberapa pasukan perang dengan cara melakukan serangan hendap terhadap musuh.

Suatu rombongan yang diketuai oleh Tunku Anum telah pergi menghadap raja Ligor. Langkah tersebut dilakukan bagi mendapat kepastian sama ada Kedah dan Perlis menjadi jajahan takluk Siam-Ligor atau menjadi sebuah negeri merdeka daripada campur tangan asing. Syed Husein Jamalullail sendiri pergi ke Pulau Pinang menemui keluarganya. Bonda beliau iaitu Wan Fatimah sendiri yang sedang berada di Pulau Pinang kembali ke Arau untuk memimpin penduduk-penduduk di sana. Beliau berjaya mengembalikan semangat penduduk Arau untuk membina semula kehidupan seperti biasa. Dengan itu Arau kembali aman.

Rombongan Tunku Anum yang telah pergi menemui raja Ligor berasa kecewa kerana mereka terpaksa menerima

rapa syarat yang dikenakan oleh raja Ligor. Syarat yang
ng pedih ialah Kedah tetap menjadi jajahan takluk Siam-
r. Kerajaan Kedah diwajibkan menghantar ufti *bunga*
tiga tahun sekali kepada raja Ligor. Syarat ini
nakan bagi membolehkan negeri Kedah diserahkan
bali kepada orang Melayu Kedah. Dengan persetujuan
raja Ligor memberi sepucuk surat akuan kepada Tunku
m untuk memerintah negeri Kedah.

Peristiwa bersejarah ini membuka pintu kepada keluarga
alullail berkuasa sepenuhnya ke atas negeri Perlis dan ia
upakan zaman bermulanya penubuhan Perlis sebagai
ah negeri beraja sendiri. Setelah mendapat berita
utusan dari Ligor itu Wan Fatimah iaitu bonda Syed
ein Jamalullail mengambil langkah segera bagi mendapat-
akuan dan kuasa daripada raja Ligor supaya Syed Husein
alullail dilantik menjadi raja Perlis dan jajahan takluk-

Setelah mendapat persetujuan dari semua pihak di Perlis
n Fatimah menyusun kata-kata dalam surat yang akan
mpaikan kepada raja Ligor. Surat itu ditulis oleh seorang
utulis yang bernama Alang Kecil dari Padang Pauh. Raja
or bersetuju dengan permohonan itu kerana adanya tanda-
gan dari semua pihak yang berkenaan menjadi bukti
awa Syed Husein Jamalullail memang disukai serta di-
setujui oleh rakyat Perlis untuk dijadikan raja.

Dalam surat balasannya raja Ligor mempersilakan Syed
sein Jamalullail datang menghadap raja Ligor untuk
erima perlantikan sebagai raja Perlis. Syed Husein yang
ang berada di Pulau Pinang dipanggil segera kembali ke
u untuk memenuhi panggilan raja Ligor itu. Perlantikan
d Husein Jamalullail dibuat di hadapan raja Siam di Istana
ngkok. Pemergiannya dibekalkan dengan dua pucuk surat
ipada raja Ligor disampaikan kepada mereka yang ber-
aan di Istana Bangkok.



Tunku Yaakub

Ketika menghadap raja Siam pada tanggal 20 Mei 1834 bersamaan 10 Muharam 1250, usia Syed Husein Jamalullail telah 30 tahun. Setelah melakukan beberapa upacara menghadap raja dan surat-surat berkenaan dibacakan, raja Siam memperkenalkan Syed Husein Jamalullail menjadi raja Perlis yang pertama dengan gelaran dalam bahasa Siam *Phya Ngkeram Rammu Wisit Willis Phya Perlis*. Raja Siam menganugerahkan kepada Syed Husein persalinan dan perkas kebesaran '*senjabat*' (senjata tujuh). Upacara peralihan itu disertai dengan perintah iaitu raja Perlis mesti menghantar ufti *bunga emas* tiap-tiap tiga tahun sekali kepada raja Siam.

Dalam perjalanan balik Syed Husein Jamalullail telah menghadap raja Ligor kerana menyatakan terima kasih kepada raja Ligor yang telah memberi pertolongan kepadanya hingga ditabalkan menjadi raja negeri Perlis. Ketika tiba saja di Perlis rombongan diraja yang pertama bagi negeri itu telah disambut dengan meriah oleh rakyat negeri. Suatu istiadat besar telah diadakan di Arau bagi menyambut dan merayakan raja negeri baru itu.

Mengambil sempena serta eratnya perhubungan diantara Perlis dengan Kota Indera Kayangan, raja Perlis yang pertama itu telah memberi gelaran kepada negeri Perlis *Indera Kayangan*. Sebagai sebuah negeri dan kerajaan baru yang dilahirkan oleh Kedah, maka segala peraturan pemerintahan negeri Perlis adalah mengikut cara pemerintahan negeri Kedah.

Pada masa itu negeri Perlis mengadakan jawatan Perdana Menteri. Perdana Menteri Perlis yang pertama bernama Datuk Awang. Nama sebenar Datuk Awang ialah Muhammad Shad tetapi Syed Harun memanggilnya Awang dan orang ramai memanggilnya Datuk Arau kerana tempat kediamannya di Arau. Perkataan Arau membawa erti *cari beramai-amai*. Datuk Arau adalah orang yang paling berjasa membebaskan negeri Perlis dan mendaulatkan keluarga Jamalullail menjadi raja Perlis turun-temurun hingga sekarang.

Dengan tujuan mengeratkan lagi pertalian keluarga di antara Datuk Awang atau Datuk Arau dengan keluarga diraja Perlis, anak sulung Datuk Arau iaitu Wan Safiah telah dikahwinkan dengan Syed Husein Jamalullail, raja Perlis yang pertama itu. Baginda juga telah memberi gelaran utama kepada dua orang kenamaan negeri itu dengan gelaran Datuk Seri Lela Pahlawan kepada Alang Kecik, dan gelaran Datuk Seri Indera Dewa kepada Lahim. Kedua-dua nama tersebut telah mengambil bahagian bersama-sama Datuk Arau bagi menubuhkan negeri dan memilih raja pertama bagi negeri ini.

Hubungan negeri Kedah dengan Perlis menjadi bertambah erat apabila berlaku perkahwinan diraja diantara Syed Husein Jamalullail raja Perlis dengan Tengku Nur Aishah keluarga diraja Kedah. Tunku Yaakub adinda sultan Kedah yang menyerang negeri itu dahulu telah mati akibat dibunuh oleh orang besar Siam yang menjadi ketua askar Siam-Ligor. Sebagai sebuah negeri yang bernaung di bawah kuasa Siam, raja Perlis terpaksa meminta persetujuan lebih dahulu daripada raja Siam untuk melantik putera sulungnya Syed Ahmad Jamalullail menjadi bakal raja Perlis. Permohonan itu dipersetujui lalu raja Siam melantik bakal raja Perlis dengan gelaran *Phra Suntun*.

Oleh kerana Perlis bernaung di bawah kerajaan Siam bermula dari raja Perlis yang pertama, Syed Husein Jamalullail hinggalah raja yang keempat adalah dilantik oleh raja Siam. Raja Syed Husein Jamalullail mangkat pada bulan Disember 1873. Putera sulungnya Syed Ahmad Jamalullail dilantik menjadi raja Perlis yang kedua. Baginda ditabalkan oleh raja Siam pada awal bulan Mac 1874.

Dalam masa pemerintahan Raja Syed Ahmad Jamalullail baginda telah menghantar cucunya Syed Safi putera Almarhum Syed Alwi Jamalullail ke Bangkok, Siam, dengan tujuan cucunya itu akan dapat gelaran *Bakal Raja Muda* Perlis. Syed Alwi Jamalullail telah meninggal dunia kerana mati lemas.

di Bangkok, Syed Safi menjadi anak angkat Kalahum. Beliau diajar cara-cara menjalankan pemerintahan dan tabdiran negeri, sambil itu dia menjadi *maha-let* iaitu sebagai budak raja dalam istana raja Siam. Syed Safi telah menjalankan tugasnya dengan baik. Beliau telah ditabalkan menjadi *Phra Suntun* iaitu bakal raja Perlis. Raja Siam sangat sayang kepada Syed Safi dan memandangnya sebagai seorang anggota dalam keluarga raja Siam. Sebelum diizinkan balik ke Perlis, Syed Safi telah dikahwinkan dengan seorang gadis dari keluarga Kalahum sendiri bernama Micu, kemudiannya namanya ditukar dengan nama Islam iaitu Wan Saadiah. Dalam masa berada di Bangkok bagi kali kedua kerana menjalankan suatu tugas khas Syed Safi telah berkahwin pula dengan Cik Shamsiah binti Lebai Aman yang tinggal di Bangkok. Tidak berapa lama setelah berada di Perlis semula, beliau telah menjalankan tugas pemerintahan dan penadbiran negeri kerana nendanya sering uzur. Pada bulan April 1881, isteri pertamanya Wan Saadiah (Micu) melahirkan seorang anak lelaki. Syed Ahmad Jamalullail menamakannya Syed Alwi Jamalullail, mengambil nama anaknya yang mati lemas di laut.

Raja Perlis yang kedua iaitu Syed Ahmad Jamalullail, berpesan kepada Syed Safi meninggal dunia pada bulan Februari 1897. Almarhum telah memerintah negeri Perlis selama setahun. Syed Safi Jamalullail telah ditabalkan menjadi raja Perlis yang ketiga. Dalam masa pemerintahannya baginda telah memerintahkan membina beberapa batang jalan raya di negeri ini. Jalan-jalan yang dibina ialah Arau — Singgora (Sungkhla), Arau — Kangar, Kangar — Sanglang iaitu di sempadan antara Perlis dengan Kedah melalui tempat yang bernama Simpang empat dan Kangar — Tebing Tinggi, dan beberapa buah negeri Perlis pada masa itu.

Terusan juga telah dibina dari Arau melalui Tambun, Sanglang dan Simpang Empat ke tepi laut, dinamakan Sungai Perlis atau Sungai Baharu. Syed Safi berharap rakyat Perlis akan membangunkan kampung-kampung di tepi jalan raya

dan terusan itu. Sayangnya jalan raya menuju ke Songkhla mengikut rancangan baginda sampai sekarang tidak pernah dilaksanakan.

Dalam masa pemerintahan Raja Syed Safi ini berlaku juga tuntutan dari sultan Kedah supaya negeri Perlis diserahkan kembali kepada kerajaan Kedah seperti yang telah dilakukan kepada daerah Kubang Pasu. Surat tuntutan yang disampaikan oleh Raja Muda Kedah kepada raja Siam di Bangkok telah ditolak oleh raja Siam kerana Raja Perlis adalah ditabalkan oleh Raja Siam sendiri. Dengan demikian kedudukannya sebagai raja Perlis tidak boleh digugat lagi.

Syed Safi juga boleh dikatakan salah seorang raja Perlis yang mengambil berat hal ehwal negeri dan rakyat negerinya dan berusaha memajukan negeri dan penduduk negeri itu. Di bidang sosio budaya, baginda menggalakkan penduduk negeri ini memakai pakaian barat. Anak keluarga diraja Perlis dihantar belajar di sekolah Inggeris di Pulau Pinang iaitu di St. Xavier Institution. Syed Safi kembali ke rahmatullah pada awal tahun 1905 setelah menjadi raja Perlis selama lebih kurang lapan tahun. Puteranya Syed Alwi Jamalullail dilantik menjadi raja Perlis yang keempat.

Pada awal pemerintahan Raja Syed Alwi Jamalullail, kerajaan Perlis mengalami kekurangan wang dan terpaksa meminjam dari kerajaan Siam. Perhatikan keadaan demikian kerajaan Siam menghantar seorang pegawai Inggeris ke negeri Perlis untuk menjadi penasihat kewangan negeri ini. Kemudiannya ditubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri Perlis yang dipengerusikan oleh raja Perlis.

Syed Alwi Jamalullail dilahirkan di Arau. Bondanya ialah Wan Saadiah (Micu). Baginda dilahirkan pada bulan Disember 1881. Pada masa pemerintahan baginda, saudara seayahnya yang bernama Syed Muhammad ibni Almarhum Syed Safi Jamalullail dilantik menjadi Raja Muda Perlis. Syed Muhammad meninggal dunia pada tahun 1919. Puteranya Syed Hassan Jamalullail dilantik menjadi Raja Muda Perlis yang baru, tetapi 16 tahun kemudian bakal raja Perlis itu

inggal dunia. Dengan kematian itu putera Almarhum
Hassan Jamalullail yang bernama Syed Putera dilantik
jadi bakal raja Perlis.

Raja Perlis yang keempat iaitu Syed Alwi Jamalullail
inggal dunia pada tahun 1943 iaitu dalam masa pemerin-
an tentera Jepun. Pihak pemerintahan tentera Jepun tidak
mengikut peraturan dan adat istiadat negeri Perlis lalu
antik Syed Hamzah Jamalullail menjadi raja Perlis yang
lima. Bakal raja Perlis yang sebenar mengikut peraturan
negeri ini iaitu Syed Putera telah meninggalkan Perlis lalu
pindah ke Kelantan. Di Kelantan baginda berusaha menjalan-
kan perniagaan.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua, pemerintahan tentera
Jepun di negeri ini digantikan oleh pihak tentera British. Raja
Hamzah iaitu Syed Hamzah putera Almarhum Syed Safi Jama-
lullail tidak diakui sebagai raja Perlis yang sah oleh pihak
tentera British. Syed Putra Jamalullail telah ditabalkan
menjadi raja Perlis yang kelima pada 19 Mac 1946. Dengan
peraturan dan adat istiadat kerajaan negeri Perlis pulih
seperti biasa.

Setelah ditabalkan menjadi raja Perlis yang kelima, Raja
Syed Putra Jamalullail melantik puteranya Syed Sirajuddin
menjadi Raja Muda Perlis. Apabila Persekutuan Tanah
Melayu dibentuk, negeri Perlis turun menjadi anggotanya.
Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957 dan
Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul
Rahman menjadi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan,
Tuanku Abdul Rahman menjadi Yang di-Pertuan Agong yang
ketujuh.

Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kedua ialah Sultan
Hamamuddin Alam Syah, Sultan Selangor, menggantikan
Tuanku Abdul Rahman yang mangkat pada tahun 1960. Raja
Perlis, Syed Putra Jamalullail menjadi Timbalan Yang di-
Pertuan Agong. Tidak lama kemudian iaitu pada bulan
Oktober tahun yang sama apabila Yang di-Pertuan Agong
yang kedua mangkat, Raja Syed Putra dilantik menjadi Yang

di-Pertuan Agong yang ketiga dan ditabalkan pada 4 Januari 1961.

Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah diputerakan pada 25 Noyember 1920. Baginda menerima pelajaran di Sekolah Melayu Arau dan kemudian melanjutkan pelajaran di Penang Free School. Pada 4 April 1938 baginda telah dilantik menjadi bakal raja Perlis. Dalam tahun 1939 baginda mula menerima latihan sebagai bakal raja.

Dalam masa pemerintahan Jepun baginda telah mengalami peristiwa yang agak pahit, namun baginda menghadapinya dengan tabah. Puncak daripada peristiwa yang dialami baginda ialah haknya sebagai raja Perlis bagi menggantikan raja Perlis yang keempat mangkat telah dinafikan oleh pemerintahan tentera Jepun. Untuk mengatasi keadaan yang agak merbahaya, baginda sekeluarga pergi ke Kelantan, tinggal bersama keluarga permaisuri baginda di Kota Bharu.

Baginda dilantik menjadi raja Perlis pada 4 Disember 1945 dan ditabalkan pada 12 Mac 1949. Dalam bulan April 1960 Tuanku Syed Putra telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong, kemudiannya pada 21 September 1960 dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ketiga, ditabalkan dalam istiadat yang gilang-gemilang pada 4 Januari 1961.

Apabila Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963 Tuanku Syed Putra Jamalullail terus menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama.

Pada 21 September 1965 baginda telah menerima Bintang Darjah Malaysia yang tertinggi sekali iaitu Bintang Darjah Kerabat Malaysia. Bagindalah julung-julung kali ketua negara yang menerima anugerah bintang darjah tertinggi dari kerajaan Malaysia. Dalam bulan November Tuanku Syed Putra telah dipersembahkan pangkat Jeneral Kehormat oleh Kementerian Pertahanan sebagai bekas Yang di-Pertuan Agong. Di samping itu baginda juga telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Kolonel Pasukan Renjer Malaysia.

Yanku Syed Putra sangat mengambil berat tentang hal keadaan hidup rakyat. Selaku pemerintah baginda juga patuh dan taat kepada perintah Allah. Baginda juga meniup semangat untuk meningkatkan nilai Islam di semua bidang. Semasa Masjid Negeri belum dibina, setiap tahun baginda jadikan kawasan istana sebagai Lapangan Terbuka dan baginda bersama-sama rakyat melaksanakan solat Aidilfitri dan Aidiladha.

Yanku Syed Putra telah dikurniakan oleh Allah dengan enam orang putera dan lima orang puteri dengan permaisuri baginda Tengku Budriah, Raja Perempuan Perlis. Putera dan puteri baginda itu adalah Sharifah Salwa, Syed Sirajuddin, Syed Muda Perlis, Syed Badaruddin, Sharifah Jalina, Sharifah Azwan, Sharifah Junetta, Syed Amir Abidin, Syed Zainal Anwar, Syed Zainal Endah. Tiga orang putera dan seorang puteri baginda dengan suri baginda yang bernama Cik Mariam adalah Syed Zainal Rashid, Syed Azni, Syed Badlishah dan Sharifah Melaine.

(Diperoleh daripada *Berita Indera Kayangan* — keluaran khas 1984).

Raja Perempuan Perlis, Tengku Budriah binti Almarhum Tengku Ismail telah dilahirkan di Kuala Kerai, Kelantan pada 28 Mac 1924. Baginda sangat-sangat mengambil berat terhadap tugas cergas dalam kegiatan badan-badan amal untuk kegunaan dan kebajikan kaum wanita negeri ini. Baginda menjadi penaung Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Perlis, Persatuan Pandu Puteri Negeri Perlis, Lembaga Pertubuhan Perempuan Islam Perhubungan Negeri Perlis dan Persatuan Perancang Keluarga Negeri Perlis. Selain daripada itu, baginda juga menjadi penaung beberapa pertubuhan yang lain, iaitu Persatuan Hoki Wanita Malaysia, Kelab Penjahit, Kuala Lumpur, Majlis Kanak-kanak Malaysia, Persatuan Negeri Perlis, Wanita PERKIM Negeri Perlis, Persatuan Didikan Kanak-kanak Tengku Hajah Budriah, Kuala Lumpur, Persatuan Bola Jaring Negeri Perlis dan Pengerusi



Tuanku Syed Putra

man Asuhan Darulfarah Tengku Hajah Budriah, Perlis.

riipada *Berita Indera Kayangan - Keluaran Khas 1984*).

Sesungguhnya rakyat serta penduduk negeri Perlis Indera Kayangan amat bertuah mendapat naungan Tuanku Syed Indera Jamalullail raja negeri Perlis yang bijaksana serta kaya dengan Pengalaman dan juga Tengku Budriah, Raja Peremangan Perlis yang budiman serta dermawan itu. Dengan naungan serta pimpinan kedua-dua baginda nasib rakyat bertambah cerah dan kemajuan negeri Perlis Indera Kayangan bertambah terserlah.



Tengku Butriah

III. Alam Dan Pentadbiran

Negeri Perlis Indera kayangan terletak di bahagian utara pantai Barat Semenanjung Malaysia. Bahagian utara negeri bersempadan dengan negara Thai sementara di bahagian selatan dan timur bersempadan dengan negeri Kedah. Di bahagian barat iaitu seluruh pantainya ialah Selat Melaka.

Luas negeri ini lebih kurang 795 kilometer persegi iaitu negeri yang paling kecil di Malaysia. Bahagian yang paling panjang ialah 51.2 kilometer dan yang paling lebar kira-kira 10 kilometer. Oleh kerana ukuran luasnya terlalu kecil, pentadbiran negeri tidak dibahagikan kepada daerah-daerah tertentu. Ia dibahagikan kepada mukim-mukim. Semuanya ada 22 mukim di bawah jagaan 11 orang penghulu. Mukim-mukimnya adalah Beseri, Titi Tinggi, Paya, Oran, Ngulang, Muping, Kechor, Abi, Kurong Batang, Sena, Padang Pauh, Pantong, Kurong Anai, Padang Siding, Arau, Jejawi, Sungai Yam, Utan Aji, Seriab, Kayang, Sanglang dan Kuala Perlis.

Pada masa dahulu, penghulu di Perlis dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Raja untuk mentadbir mukim, di bawah arahan Pesuruhjaya Tanah dan Galian. Tugas penghulu yang utama ialah menjadi pendaftar kerbau lembu dan penolong pendaftar beranak dan kematian. Bagaimanapun tugas yang paling utama ialah membantu Pejabat Tanah, terutamanya dalam perkara memungut hasil tanah. Pada masa ini perantikan penghulu-penghulu seperti jawatan lain juga iaitu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mengunjungi negeri Perlis seperti kita menjalani sebuah daerah yang mempunyai sebuah bandar, beberapa buah pekan dan 22 mukim. Ibu negerinya ialah bandar Kangar.



Pemandangan di Sebuah Kampung Melayu

empat-empat utamanya yang lain merupakan pekan iaitu pekan Arau, tempat semayam raja Perlis, pekan Kuala Perlis dan dua lagi pekan yang sederhana besarnya iaitu Kaki Bukit dan Simpang Empat. Jarak antara bandar dengan pekan-pekan tersebut tidak jauh, dapat dihubungi semuanya dalam masa yang tidak lama.

Sungguhpun kawasannya kecil namun sebagai sebuah negeri, Perlis mempunyai berbagai sektor dan jentera pentadbiran yang lengkap, termasuk jabatan atau pejabat-pejabat penting seperti imigresen, kastam, jabatan pengangkutan jalan dan biro bantuan guaman negeri. Jabatan-pejabat kerajaan lain peringkat negeri ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis, Pejabat perikanan, Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Hal-ehwal Agama Islam Negeri Perlis dan beberapa jabatan yang lain-lain lagi.

Mengikut bancian rasmi tahun 1983 penduduk negeri ini berjumlah kira-kira 156,300 orang. Sebahagian besar daripada penduduknya bekerja sebagai petani dan nelayan. Para petani mengerjakan sawah padi iaitu sektor pertanian utama dan terpenting di negeri ini. Jenis-jenis tanaman lain yang usahakan di negeri ini ialah getah, kelapa, kelapa sawit, ubi, sagu, orkid, stesen pertanian dan buah-buahan.

Catatan rasmi yang terakhir menunjukkan 64.12 peratus daripada kawasan tanah negeri ini iaitu meliputi kawasan tanah seluas 51,995 hektar digunakan untuk pertanian. Kawasan tanaman padi adalah yang terbesar sekali iaitu seluas 28,753 hektar, tanaman tebu 8,325 hektar, getah 7,548 hektar, kelapa 143 hektar, orkid 160 hektar, kelapa 143 hektar, sagu 80 hektar, stesen pertanian 46 hektar, kelapa sawit 3 hektar dan tanaman-tanaman lain seluas 6,937 hektar.

Kawasan pertanian yang paling menarik dan subur tanahnya ialah sawah padi. Bahagian tanah sawah yang utama adalah termasuk dalam daratan Kedah-Perlis. Pada musim padi sedang menjadi, kita dapat melihat samudera padi yang luas terbentang hingga saujana mata memandangi.



Sawah Padi

ada masa dahulu perusahaan padi di negeri ini dijalankan
ra tradisi. Kini perusahaan tersebut dikerjakan secara
en iaitu menggunakan traktor dan alat-alat lain serta
an untuk mempertingkatkan hasil padi. Untuk kesuburan
h dan kemudahan para petani, kerajaan telah mengada-
Rancangan Pengairan Muda di Perlis selatan.

Pejabat Pertanian Negeri Perlis sentiasa memberi khidmat
hat untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi me-
bahkan pendapatan para petani dari semasa ke semasa.
amping itu untuk keperluan petani-petani sendiri pihak
ajaan sentiasa menggalakkan para petani mempelbagai-
tanaman, di samping mengadakan latihan dan kursus
anian kepada petani-petani dan juga belia-belia. Se-
ungan dengan itu, melalui jabatan pertanian, dijalankan
atan menternak lembu, kerbau, kambing dan lain-lain.

penduduk di kawasan pesisir pantai kebanyakannya
erja sebagai nelayan. Kawasan menangkap ikan yang
na ialah di perairan yang berhampiran dengan Pulau
gkawi. Pangkalan nelayan yang terbesar ialah Kuala
is. Sebahagian besar daripada hasil tangkapan ikan yang
awa ke sini dihantar ke tempat-tempat lain di luar negeri
is. Tempat-tempat utama penghantaran ikan dari sini
h bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan
masuk juga Singapura.

Melalui Pejabat Perikanan Negeri kerajaan memberi
tuan subsidi kepada nelayan dalam bentuk benda seperti
n sangkut, gantian enjin dalam, pukot, minyak disel dan
batu. Bantuan diberi juga kepada syarikat kerjasama
ayan bagi membantu para nelayan menggerakkan koperasi
reka, termasuklah bantuan untuk modal pusingan.

umber ekonomi sampingan yang diwujudkan di negeri ini
k tahun 70-an lagi ialah perusahaan menternak lembu
g diimport dari Australia dan juga menternak lembu
patan. Mereka yang berminat di bidang penternakan
n diberi latihan khusus. Rancangan menternak kambing
-biri juga dijalankan. Selain daripada itu diadakan juga

projek menternak ayam itik secara kecil-kecilan di peringkat keluarga.

Bank Pertanian di Perlis memainkan peranan utama dalam usaha memodenkan sektor pertanian dan memberi bantuan kredit atau pinjaman kepada para petani, penternak dan mereka yang menjalankan usaha-usaha perikanan.

Kegiatan ekonomi yang lain ialah melombong bijih, perniagaan, pelancongan, penanaman pokok jati dan perusahaan memproses udang. Kawasan melombong bijih di Kaki Bukit sungguh menarik. Kerja melombong bijih di sini dijalankan di dalam gua. Sungai yang mengalir di dalam kawasan gua batu kapur membawa bijih yang dihakis di bahagian dalam gua lalu dimendapkan di permukaan gua tersebut. Untuk mendapatkan bijih, air sungai mesti dipam keluar bersama-sama dengan bijih. Selepas itu bijih diasingkan daripada bahan-bahan lain. Kadang-kadang berlaku juga kejadian bumbung gua itu runtuh. Akibatnya terjadi lubang-lubang gua yang disebut *wang*. Kaki Bukit iaitu tempat lombong bijih ini merupakan satu-satunya perusahaan melombong bijih timah di dalam gua yang terdapat di dunia.

Perlis merupakan negeri pengeluar hasil gula yang terbesar di Malaysia. Projek menanam tebu seluas 12,800 ekar di Chuping untuk keperluan membuat gula adalah satu daripada kegiatan FELDA yang terpenting di Perlis. Kawasan ini terletak berhampiran dengan sempadan Perlis dengan Siam. Rancangan ini bukan sahaja telah mengambil pekerja yang ramai bahkan ia telah berjaya mencapai matlamat sebagaimana yang dirancang dan dijangkakan.

Rancangan penanaman tebu ini telah mengambil peneroka-peneroka yang ramai untuk membuka sebuah perkampungan baru di kawasan yang dahulunya merupakan kawasan terbiar. Felda Unit Tebu Chuping telah berjaya menempatkan 450 orang peneroka tebu. Kawasan ini dilengkapi keperluan-keperluan asas, termasuk sebuah sekolah rendah, sebuah masjid, sebuah tadika, sebuah klinik

a dan sebuah balai raya.


Pengurusan projek tebu Felda Chuping berlainan dengan pengurusan rancangan-rancangan lain seperti getah dan kelapa sawit kerana peneroka di sini tidak memiliki tanah. Pendapatan mereka berpunca daripada dua jenis bayaran iaitu bayaran upah dan satu lagi bayaran dividen yang diperolehi daripada keuntungan projek. Setiap peneroka memiliki satu ekar sahagian sebanyak sepuluh ekar seorang.

Satu lagi bidang industri yang terpenting di negeri ini ialah kilang simen. Ia merupakan sebuah syarikat usahasama antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dengan sebuah syarikat swasta. Kilang ini mengeluarkan simen kira-kira 16,000 tan setahun, dijual di dalam negeri dan juga eksport ke luar negeri melalui Pulau Pinang. Kebanyakan pendapatan daripada pekerja di kilang ini yang seramai 300 orang terdiri daripada bumiputera.

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPS) adalah agensi kerajaan yang penting bagi melaksanakan pembangunan ekonomi dan pembangunan negeri Perlis. Selain daripada dua projek yang tersebut di atas, melalui perancangan perbadanan ini terdiri pula industri-industri lain iaitu kilang getah, kilang pakaian dan kilang menggilap berlian.

Kilang tikar getah adalah sebuah kilang usahasama antara sebuah syarikat swasta dari Korea dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis. Pengeluaran tikar getah adalah untuk keperluan tempatan dan dikeluarkan mengikut permintaan dalam negeri. Kilang pakaian di Jejawi mengeluarkan kemeja wanita.

Perkembangan pelajaran di negeri ini sungguh menggalakkan. Negeri ini mempunyai kemudahan persekolahan terbaik jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Perlis mempunyai 16 buah sekolah menengah dan 57 buah sekolah rendah. Boleh dikatakan hampir semua sekolah di negeri ini mempunyai kemudahan yang cukup. Sekolah Menengah Pertama adalah sekolah tertua di negeri ini. Sekolah ini dibuka pada tahun 1948, hasil kutipan derma orang ramai. Sekolah



Kilang Simen



Kiang Ikar Getas

Menengah Agama (Perempuan) di Kangar dan Sekolah Menengah Agama (Lelaki) di Arau telah diambil alih oleh kerajaan daripada Majlis Agama Islam Perlis sejak tahun 1977.

Selain daripada sekolah-sekolah menengah dan rendah, terdapat juga institusi pelajaran yang lain iaitu Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Perlis, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Menengah Vokasional Kangar. ITM Cawangan Perlis menyediakan kursus-kursus akauntansi, pentadbiran perniagaan, banking, steno dan pengurusan ladang.

Kerajaan negeri Perlis memberikan perhatian yang khusus terhadap pembangunan rohani rakyat. Jabatan Hal-ehwal Agama Islam Perlis mengadakan suatu bahagian khusus bagi menjalankan kegiatan syarahan dan kursus-kursus agama dan juga mengadakan kelas mengajar al-Quran.


Terdapat tiga buah sekolah agama Islam iaitu Sekolah Agama Alawiyah di Arau, Sekolah Agama Alawiyah di Kangar, khusus untuk wanita dan Sekolah Agama Rakyat Behar Mali. Negeri kecil ini mempunyai 150 buah masjid. Masjid Alwi merupakan masjid terindah di negeri ini bahkan juga di Malaysia. Masjid ini terletak di Jalan Tok Paduka, di pinggir bandar Kangar.

Pada keseluruhannya pemandangan alam negeri Indera Kayangan ini sungguh menarik. Selain daripada suasana kawasan persawahan yang tenang dan damai, perkampungan penduduknya yang rukun dan tenteram, terdapat pula gunung-gunung batu berdiri gagah bagaikan lambang ketabahan dan keteguhan cita-cita penduduk negeri comel ini.

Di negeri ini terdapat tempat-tempat pelancongan yang menarik dan mudah dikunjungi. Selain daripada itu terdapat juga beberapa tempat bersejarah yang harus dilawati. Pentadbiran negeri Perlis memelihara serta membina kesan-kesan sejarah di negeri ini untuk menarik minat para pelancong.

Negeri Perlis tidak kurang dengan ciri-ciri budaya tem-
an yang menjadi kebanggaan rakyatnya. Kesenian tari
g dianggap sebagai tarian rakyat negeri Indera Kayangan
ialah tarian canggung. Kesenian tradisi yang lain ialah
nai, hadrah, cinta sayang, tarian ayam didik dan selampit.
Mengunjungi negeri Perlis kita boleh pergi dengan kereta
u menaiki keretapi. Landasan keretapi di negeri ini tidak
alui bandar Kangar. Perhentian utamanya sebelum
uju ke pekan Padang Besar ialah di pekan Arau. Jalan
a di negeri ini meliputi seluruh kawasan luar bandar.
ak ada kawasan yang tidak mempunyai jalan raya bahkan
ua mukim dan kampung boleh dimasuki oleh kenderaan
motor.

Hari kelepasan mingguan negeri Perlis ialah hari Jumaat.



Sekolah Menengah Agama Di Arau


IV. Keindahan Perlis

KANGAR: Bandar ini adalah ibu negeri Perlis. Inilah satu-satunya bandar di negeri ini. Bandar-bandar lain hanya taraf pekan. Sebagai sebuah bandar ibu negeri, bandar Kangar lengkap dengan semua keperluan serta kemudahan-tadbiran kerajaan dan institusi-institusi yang lainnya.

Lebih kurang 30 buah jabatan atau pejabat dan institusi kerajaan terletak dalam kawasan bandar ini. Antara bangunan-bangunan yang menjadi seri keindahan bandar ini ialah Bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Jabatan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Pejabat Tanah dan Galian, Wisma Kemajuan dan Majlis Bandar Kangar.

Bandar Kangar juga menjadi nadi dan pusat perniagaan yang utama bagi negeri Perlis. Terdapat lima buah bank di bandar ini iaitu Bank Bumiputera, Malayan Banking Berhad, Chartered Bank, Bank Rakyat dan Arab-Malaysian Finance. Tempat-tempat penginapan yang selesa ialah tiga buah hotel mewah iaitu Hotel Federal, Hotel Malaysia dan Hotel Bangang. Satu-satunya bangunan istimewa sebagai rumah penginapan ialah Sri Perlis Inn atau dikenali juga namanya sebagai Sri Perlis.

Masjid Alwi terletak di Jalan Tok Paduka, di pinggir bandar. Masjid ini merupakan salah sebuah masjid yang indah di negeri Perlis. Nama masjid ini adalah mengambil nama Syed Alwi Jamalullail iaitu raja Perlis yang keempat, memerintah pada tahun 1905 — 1943. Baginda sendiri yang membuka dengan rasmi masjid ini dalam tahun 1922. Yang menariknya, bangunan masjid ini dibina adalah hasil daripada sumbangan orang ramai dan juga bantuan kewangan daripada kerajaan.



Bandar Kargar


Perhentian bas terletak di tengah-tengah kawasan bandar. Di samping perkhidmatan dalam negeri, ada dua perkhidmatan bas ekspres dari bandar Kangar ke Kuala Lumpur dan dari Kangar ke beberapa buah bandar lain di luar negeri Perlis.

Lalulintas di dalam bandar tidak begitu sibuk kerana bandar ini merupakan perhentian terakhir dalam perjalanan utara di bahagian Pantai Barat Semenanjung. Jalan raya masuk ke bandar ini agak menarik kerana pemandangan sawah padi dan perkampungan penduduk kelihatan tenang dan tenteram. Sebenarnya bandar Kangar dikelilingi oleh sawah padi yang luas terbentang hingga saujana mata memandang. Menurut ceritanya nama bandar Kangar diambil daripada nama pokok iaitu pokok kangar.

ARAU: Ada dua keistimewaan tempat ini iaitu ia merupakan bandar diraja dan Arau juga tapak asal wujudnya negeri Perlis. Menurut sejarahnya kawasan tanah di Arau adalah anugerah sultan Kedah kepada anak baginda serta anaknya Syed Harun Jamalullail iaitu keturunan asal keluarga diraja yang memerintah negeri Perlis hingga sekarang. Peristiwa penting dalam sejarah kewujudan negeri Perlis itu berlaku dalam tahun 1797.

Sebenarnya bandar diraja ini lebih merupakan sebuah pekan besar, terletak kira-kira sepuluh kilometer ke selatan bandar Kangar dan lima kilometer dari sempadan negeri Perlis dengan Kedah. Ia merupakan salah sebuah pekan yang akan ditemui apabila masuk ke negeri Perlis dari arah selatan. Sebelum sampai ke bandar ini kita akan menemui pekan kecil di Liang, terletak di sempadan antara negeri Perlis dengan Kedah. Pekan ini mempunyai perhentian keretapi. Dari bandar Arau landasan keretapi terus ke utara tidak melalui bandar Kangar. Ia melalui beberapa buah pekan kecil lalu masuk ke pekan Padang Besar.

Antara bangunan indah di pekan ini dan sekitarnya, yang paling istimewa ialah Istana Hijau tempat semayam raja Perlis dan Masjid Negeri Perlis yang sungguh indah. Selain daripada




INAPAN Seri Perlis

terdapat dua buah sekolah menengah iaitu Sekolah Mergku Budriah dan Sekolah Menengah Datuk Syeikh Ahmad.

KUALA PERLIS: Letak pekan ini kira-kira sepuluh kilometer dari bandar Kangar jalan arah ke pantai. Pada masa dahulu Kuala Perlis merupakan sebuah pelabuhan dagangan bersaing dengan pelabuhan Kuala Muda, Kuala Terbuk dan Kuala Kedah. Barang-barang dagangan dari sini dibawa ke Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu dan Perak. Setelah dibayar cukur pelabuhan barang-barang dagangan dibawa dengan gajah. Antara empat buah pelabuhan tersebut Kuala Perlislah yang paling hampir dengan Perak. Dari Ligor barang-barang dagangan itu dibawa ke Perak,amboja dan negeri China.

Kini Kuala Perlis hanya merupakan sebuah pelabuhan kecil yang disinggahi oleh kapal-kapal kecil atau bot dan perahu yang membawa barang-barang dagangan dari Perak dan Thailand. Selain daripada itu ia merupakan pangkalan nelayan yang terbesar di Perlis dan salah satu yang terpenting di utara Pantai Barat Semenanjung. Ikan-ikan yang ditangkap para nelayan yang berpangkalan di sini dibawa ke bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan juga Singapura. Di bidang kegiatan ekonomi umumnya pekan ini telah menjadi pusat perdagangan kecil tiga penjuru antara Pulau Langkawi, Setul di daerah Siam dan Kuala Perlis.

Pekan Kuala Perlis boleh dianggap pekan kedua besarnya selepas pekan Arau. Pekan pelabuhan terpenting di negeri Perlis ini sedang membangun serta berkembang dengan pesat. Antara bangunan-bangunan baru yang terdapat di pekan ini dan di sekitarnya adalah pejabat pos, pusat pemerintahan, Masjid Rahmaniah dan Sekolah Menengah Kuala Perlis.



Menara PKENP

Kawasan yang paling sibuk dan menjadi tempat tumpuan yang ramai di pekan ini ialah di sekitar pelabuhan. Sederet kedai-kedai di pinggir pantai menjual makanan dan minuman dan terdapat juga pelbagai jenis kuih kering, popok dan buah-buahan. Belacan buatan Kuala Perlis amat enak mutunya. Terutamanya kaum ibu yang berkunjung ke sini tidak akan melepaskan peluang membeli bahan makanan yang dibuat daripada udang itu.

Hari-hari yang paling sibuk dan ramai pengunjung di pekan ini ialah pada hari Khamis hingga hari Isnin dan hari-hari kelepasan penggal persekolahan. Di hari-hari tersebut pelabuhan kecil Kuala Perlis sibuk kerana ramai orang yang hendak pergi atau balik dari Pulau Langkawi. Mereka menaiki bot-bot yang berpangkalan di pelabuhan ini untuk pergi ke pulau peranginan itu.

Kuala Perlis adalah pangkalan yang paling dekat untuk pergi ke Pulau Langkawi. Orang-orang Kedah sendiri menaiki bot di Kuala Perlis untuk pergi ke pulau yang bunyai oleh negeri Kedah itu. Dalam keadaan dan suasana pelayaran bot dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi memakan masa lebih kurang satu setengah jam.

Masa depan pekan ini agak cerah. Dalam masa tidak berapa lama lagi besar kemungkinannya Kuala Perlis akan menjadi sebuah pelabuhan terpenting di utara Pantai Barat menanjung, khususnya bagi negeri Perlis. Jalan raya dari sepanjang jalan utama negeri Perlis ke pekan ini merupakan jalan raya yang terbaik. Dari pekan Kuala Perlis kita boleh menuju ke bandar Alor Setar, ibu negeri Kedah dengan melalui jalan raya di bahagian pantai yang tidak menempuh kawasan Arau.

Pada waktu malam pekan ini dikunjungi ramai. Kebanyakannya bertujuan untuk menikmati makanan laut yang banyak dijual di sini. Antara jenis makanan laut yang banyak terdapat di sini ialah udang dan ketam yang masih segar serta enak mutunya. Di samping itu makanan yang terkenal ialah laksas, yang dikenali dengan namanya Laksa Perlis.



Kuala Perlis


PADANG BESAR: Pekan ini terletak di sempadan Malaysia — Thai. Jauhnya dari bandar Kangar kira-kira 37 kilometer ke utara. Landasan keretapi di bahagian Pantai Barat Semenanjung berakhir di pekan ini lalu bersambung ke kawasan selatan negara Thai. Jalan raya dari bandar Kangar ke pekan ini amat selesa bagi laluan kenderaan. Di sepanjang perjalanan ke pekan ini kita akan menempuh beberapa kampung, sebahagian daripadanya terletak jauh dari jalan raya. Antara kampung yang kita temui ialah Kampung Padang Pauh, Padang Melangit, Titi Tinggi, Bukit Manik dan Beseri.

Padang Besar adalah salah sebuah pekan yang dikunjungi ramai di negeri Perlis. Biasanya orang luar yang mengunjungi negeri Perlis akan pergi ke pekan istimewa ini. Ia merupakan tempat membeli-belah yang menyeronokkan. Kita dapat membeli berbagai jenis barang seperti kain baju, alat perikanan dan barang-barang keperluan rumah, barang-barang daripada kulit yang didatangkan dari Siam dengan harga yang agak murah.

Bahan-bahan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan gandum lebih murah harganya daripada yang dijual di bandar Kangar. Kedudukan pekan Padang Besar boleh dibandingkan dengan pekan Rantau Panjang di Kelantan. Banyak barang dari Siam yang dijual di pekan ini kebanyakannya terdapat di gerai-gerai khas yang terletak di suatu kawasan khas berhampiran dengan pasar. Di pekan ini terdapat juga sebuah kedai bebas cukai yang menjual beberapa jenis barang-barang Malaysia termasuk sepatu dan produk buatan Malaysia.

Padang Besar adalah salah satu pintu masuk ke Semenanjung Malaysia dari bahagian utara. Rakyat Malaysia yang ingin menyeberang ke sempadan pekan ini untuk pergi ke wilayah selatan Siam mesti menggunakan pasport antarabangsa. Bagaimanapun penduduk-penduduk tetap yang berhampiran dengan sempadan Perlis — Thai boleh meminta kebenaran khas untuk pergi-balik ke kawasan yang ber-

Geral di Padang Besar



mpadan itu.

CHUPING: Nama Chuping berasal daripada Bukit Chuping. Chuping kini terkenal sebagai kawasan perkilangan yang terkenal di negeri ini. Dua kilang utama yang telah lama beroperasi ialah kilang membuat simen dan kilang membuat gula. Kilang simen ini merupakan salah sebuah syarikat yang bertai secara besar-besaran oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis bersama dengan Syarikat Perusahaan Simen Malaysia Berhad. Kilang ini mempunyai daya pengeluaran 40,000 tan metrik simen setahun dan telah memberi peluang pekerjaan kepada 350 orang, kebanyakannya adalah bumiputera.


Bahan-bahan membuat simen terdiri daripada kapur, tanah liat dan bijih besi yang terdapat di kawasan Bukit Chuping juga. Bagaimanapun bijih besi terpaksa dibawa juga dari luar iaitu Bedong, Kedah.

Kilang gula terbesar di utara Semenanjung ini telah dibina dalam tahun 1971 dan mula memproses gula pasir daripada tebu pada tahun 1973. Bekalan tebu yang didapati oleh syarikat ini adalah dibeli dari ladang tebu yang diusahakan oleh Syarikat Plantation Berhad dan FELDA negeri Perlis.

Iklim negeri Perlis memang sesuai untuk penanaman tebu. Musim kemarau panjang selama kira-kira tiga bulan adalah perlu untuk meningkatkan kandungan gula dalam tebu. Tebu-tebu yang ditanam di ladang ini terdiri daripada beberapa jenis yang dibawa dari Taiwan, India, Australia dan Amerika Syarikat. Lebih kurang 40 jenis tebu diuji untuk ditanam di ladang ini.

Kilang gula ini boleh memproses tebu untuk dijadikan gula mentah, kemudiannya dijadikan gula putih. Pengeluaran gula pasir dalam setahun sebanyak 30,000 hingga 40,000 tan metrik. Syarikat ini mempunyai 450 orang pegawai dan pekerja, 65 peratus daripadanya adalah bumiputera.

Chuping yang dahulunya merupakan kawasan bukit yang tandu dan terbiar kini telah menjadi kawasan perindustrian yang penting di negeri Perlis. Dua buah perusahaan yang



Ladang Tebu di Chuping

nodal berjuta-juta ringgit itu telah menukar wajah ke-
lahan alam semula jadi Bukit Chuping kepada suasana
dan kehidupan yang bergerak cergas di bidang ekonomi
eri ini.

Seorang penulis negeri Indera Kayangan ini pernah me-
s. "Bahawa bagi penduduk negeri Perlis Bukit Chuping
Gua Beringinnya telah menjadi sebahagian penting
sejarah negeri Indera Kayangan ini. Keindahan Bukit
ping menjadi sumber ilham pengarang hingga tercipta
ngkap pantun dalam tarian canggung:

Bukit Chuping Gua Beringin,
Tempat orang mengambil baja;
Putih kuning usah duk ingin,
Ramai orang dah balik saja.

KAKI BUKIT: Pekan ini terletak kira-kira 26 kilometer
bandar Kangar jalan menghala ke pekan Padang Besar.
hampiran pekan ini terdapat kawasan perlombongan bijih
dalam gua iaitu Gua Kelam. Gua ini merupakan jalan
embusi sebuah bukit, panjangnya lebih kurang 370
er. Pintu gua di sebelahnya terdapat lombong bijih timah
g luar biasa di dunia, iaitu lombong bijih dalam perut gua
asar bukit. Di sepanjang gua itu dibina jambatan gantung
intangi permukaan sebatang sungai.

Bagi kali pertama berada di tempat ini mungkin kita
asa seram kerana mendengar gema bunyi air sungai yang
galir di celah-celah batu dan terasa cemas pula apabila
uh kita bergoyang di atas jambatan gantung itu. Bagai-
apapun semakin jauh melangkah masuk rasa cemas akan
ng. Kawasan di dalam gua ini diterangi oleh cahaya lampu
trik di sekitarnya. Batu-batu yang berbagai bentuk dapat
at dengan jelas.

Sebenarnya jalan di dalam gua ini menjadi tempat laluan
a bagi penduduk di situ. Di luar pintu gua di sebelahnya
akan dapat melihat kawasan dusun buah-buahan dan
an kecil yang luas terbentang. Bunyi unggas dan kicauan
a burung-burung menyegarkan perasaan.



Gua Kelam

Gua bijih ini ditemui pada tahun 1935. Antara tahun 50-an hingga 60-an lombong ini mengeluarkan bijih di sekitar 600 tan sebulan dengan menggunakan pekerja seramai 2000 orang. Bijih timah yang didapati di sini bermutu baik di bandingkan di seluruh dunia. Pengeluarannya beransur-ansur kurang menyebabkan beberapa buah lombong sudah pun ditutup. Bekas-bekas lombong itu kelihatan indah dan menarik.

Gua kelam yang luar biasa ini diperlihara oleh kerajaan negeri untuk kemudahan para pengunjung yang ingin menyaksikan keadaan di dalamnya. Perjalanan menuju ke gua ini agak mudah kerana jalannya baik dan selesa untuk dilalui oleh kenderaan. Satu lagi keistimewaan Kaki Bukit ialah terdapatnya kawasan pusat percubaan menanam pokok kayu api yang pertama di Malaysia.

7. **TASIK MELATI:** Tasik ini terletak kira-kira sepuluh kilometer dari bandar Kangar. Ia merupakan tempat rekreasi yang menarik dan luasnya lebih kurang 48 ekar. Pemandangan di sekitar tasik ini menyegarkan. Airnya jernih dan berolak-olak kecil apabila ditiup angin. Di tengah-tengah tasik ada pulau-pulau kecil yang ditumbuhi pokok-pokok kecil, seolah-olah menjadi hiasan di permukaan air di tasik ini.

Pemandangan di tasik ini tambah menarik dengan adanya beberapa jambatan kayu yang dibina menganjur ke tengah-tengah tasik. Sambil berjalan-jalan di atas jambatan atau bersiar-siar di kawasan pinggir tasik kita dapat melihat berbagai jenis ikan berkeliaran di dalam tasik.

Tasik Melati berasal daripada nama sebuah kampung di situ bernama Kampung Padang Lati. Air di tasik ini tidak pernah kering meskipun berlaku kemarau panjang. Di tengah-tengah tasik terdapat mata air yang agak besar dan sentiasa mengeluarkan air. Pada suatu ketika dahulu air di tasik ini diambil orang untuk minuman, membasuh atau menyiram pokok-pokok tanaman mereka.



Tasik Melati

10
11
12
13
14

BATU PAHAT: Tempat ini terletak kira-kira sepuluh meter dari bandar Kangar. Ada dua keistimewaan di sini iaitu terdapat dua buah taman khusus iaitu Taman Ular dan Taman Rekreasi. *Taman Ular* adalah sebuah pusat pemerhatian ular yang diselenggarakan oleh jabatan khas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam kawasan ini terdapat sebuah bangunan pentadbiran dan pengurusan mengenai hal-ehwal ular, termasuk makmal penyelidikan tentang binatang menjalar yang merbahaya itu. Kajian mengenai ular adalah untuk keperluan perubatan.

Di luar bangunan pentadbiran ini terdapat tempat-tempat khusus memelihara beberapa jenis ular tertentu. Kita dapat melihat ular-ular itu dengan jelas tetapi tidak membahayakan kerana ular-ular itu terletak di dalam petak-petak khas yang berpagh dinding tembok tinggi. Orang ramai boleh masuk ke kawasan taman ini dengan percuma.

Taman Rekreasi letaknya berhampiran dengan Taman Perikanan. Taman ini merupakan tempat berehat dan perkelahan yang sentiasa redup dan jauh dari keriuhan lalu lintas. Yang menariknya, di sekitar kawasan ini disediakan taman kanak-kanak, taman haiwan, padang permainan dan sebagainya.

GUNUNG MEDAH: Tempat ini menarik kerana keindahan alam dan pemandangan di sekitarnya. Ia terletak di kaki Gunung Aji. Dari atas gunung ini kita dapat melihat pemandangan alam Pulau Langkawi yang terletak di perairan negeri Kedah itu. Pandangan dapat juga ditunjukkan ke Selat Melaka yang seluas seluasnya sejauh mata memandang. Biasanya di bahagian barat selat selat bersejarah ini kelihatan laut tenang dan biru. Ke arah utara dari atas Gunung Medah ini dapat dilihat kawasan ladang tebu dan ladang getah di kawasan ini iaitu satu-satunya kawasan perindustrian yang terdapat di negeri Perlis.

WANG KELIAN: Wang kelian terletak di sempadan negeri Perlis dengan selatan negara Thai. Keindahan semula jadi di sekitar Wang Kelian bertambah menarik dengan terdapatnya Pejabat Kastam dan Eksais Diraja dan Pejabat

Imigresen Malaysia yang terbaru di negeri Perlis. Kedua-dua pejabat ini telah dirasmikan pada 20 Januari 1984. Mulai saat itu Wang Kelian telah menjadi sebuah lagi pintu masuk ke Malaysia dari arah utara Semenanjung.

Kawasan yang dahulunya terpencil dan dikatakan kawasan penyeludupan di utara Semenanjung, kini telah menjadi salah satu tempat terpenting di negeri ini. Perjalanan dari bandar Kangar ke Wang Kelian adalah melalui Kaki Bukit dan juga beberapa kawasan yang menarik termasuk kawasan ladang tebu di Chuping dan Bukit Chabang.

Pada masa dahulu penduduk-penduduk Kampung Wang Kelian agak terpencil. Mereka menghadapi kesulitan untuk pergi ke pekan kecil Kaki Bukit untuk mendapatkan bahan-bahan keperluan harian. Jalan menuju ke pekan Kaki Bukit terpaksa melalui lorong gelap sepanjang 0.8 kilometer. Kini jalan raya menuju ke Wang Kelian telah siap dibina dengan sempurna.

V. *Ciri-Ciri Budaya*

Ciri-ciri budaya tempatan Perlis pada umumnya terpelihara dengan baik kerana mendapat perhatian masyarakat, terutamanya di kalangan penggerak budaya dan peminat minat kebudayaan. Seperti juga dengan ciri-ciri budaya di negeri-negeri lain di Malaysia, ciri-ciri budaya di negeri ini telah menerima unsur-unsur budaya luar.

Sejarah pertumbuhan serta perkembangan budaya tempatan dan kesenian khususnya di negeri ini dikatakan telah mendapat perhatian sejak zaman pemerintahan Tuanku Muhammad Alwi Jamalullail iaitu raja Perlis yang keempat, memerintah dari tahun 1904 hingga tahun 1943. Bagaimanapun perkembangan kesenian tari agak ketara di zaman pemerintahan tentera Jepun di tanahair kita ini.

Antara kesenian tradisi rakyat yang terkenal di negeri ini ialah tarian canggung, tarian cinta sayang, tarian ayam didik, tarian nai, hadrah, awang batil dan beberapa jenis yang lain lagi.

TARIAN CANGGUNG: Tarian ini adalah tarian rakyat utara Pantai Barat Semenanjung iaitu Kedah dan Perlis. Bagaimanapun dalam perkembangannya kini ia dianggap sebagai tarian utama bagi negeri Perlis bahkan masyarakat Malaysia umumnya menganggap tarian canggung merupakan ciri budaya seni negeri Indera Kayangan ini. Menurut penanya ia mula diperkenalkan kepada penduduk negeri ini pada masa pendudukan tentera Jepun.



Tarian Canggung

Dicitakan juga bahawa canggung berasal daripada salah satu siri tarian dalam persembahan makyung laut, iaitu suatu seni permainan yang berasal dari daerah kepulauan Perlis. Makyung laut berkembang di negeri Perlis kira-kira pada tahun 1920. Ia dipersembahkan di tepi pantai. Makyung ini mempunyai 12 siri tarian serta nyanyian, antaranya *bang siput*, *ayun anak*, dan termasuk *tarian canggung*.

Pada peringkat awal dikatakan tarian canggung dilakukan dalam bangsal atau di tanah lapang. Kemudiannya berubah ke atas pentas atau di dalam dewan. Sebagai suatu hiburan bersuka ria, tarian canggung biasanya diadakan di majlis-majlis perkahwinan, majlis bersuka-suka, kapas menuai padi, bahkan juga dalam perayaan-perayaan negeri.

Pada dasarnya tarian canggung mempunyai persamaan dengan tarian joget tetapi rentak dan lenggoknya mempunyai lakunya tersendiri. Ketika menari para penari memegang tangan. Setelah beberapa langkah tarian dimulakan, pantun pun dinyanyikan. Serangkap pantun dinyanyikan oleh dua orang iaitu lelaki dan wanita bergilir-gilir, sebaris demi baris, serta diselingi dengan suara ramai dengan menggunakan senikata: *Ala canggung, makcik canggung; canggung, canggung, la la la la le*.

Lazimnya dalam suatu persembahan tarian canggung penari-penarinya terdiri daripada empat orang wanita atau empat puteri. Penari-penari lelaki adalah orang ramai, manakala mereka bergilir-gilir menari dengan penari-penari puteri. Main-pemain muzik terdiri daripada empat orang iaitu dua orang pemain biola, dua orang pemalu gendang dan dua orang lagi pemalu gong.

CINTA SAYANG: Nama asal tarian ini ialah cinta hati tetapi setelah diadakan sedikit perubahan lalu dinamakan cinta sayang. Tarian ini dikatakan sebagai anak kandung kepada tarian canggung. Tarian-tarian lain yang menganugerahi tarian canggung ialah mak inang Jawa, ayam didik, makyung laut dan beberapa jenis yang lain lagi.



Tarian Cinta Sayang


tarian cinta sayang adalah berlainan sekali dengan tarian gung. Bentuk dan cara menarinya ialah penari-penari duduk berjengket, salah seorang daripadanya berpantun, sementara penari-penari yang lain bertepuk tangan. Para penarinya terdiri daripada lelaki dan wanita berpasang-pasangan.

Persembahan tari bermula dengan menari beberapa minit, kemudian mereka duduk berjengket. Gerakan selanjutnya, seorang penari wanita berpantun, penari-penari yang lain bertepuk tangan. Penari lelaki iaitu pasangan penari wanita yang menyanyi itu bangun menari sambil mengelilingi kumpulan penari-penari itu hingga kembali berjengket di tempatnya semula. Setelah berjengket ia berpantun pula dan pasangannya berdiri lalu menari seperti yang dilakukan oleh penari lelaki tadi. Kemudiannya semua penari bangun lalu berpusing di tempat masing-masing. Setelah selesai, mereka duduk berjengket semula. Begitulah seterusnya dilakukan bergilir-gilir hingga selesai setiap persembahan menari.

Gerakan dan irama tarian cinta sayang adalah lemah lembut. Melalui tarian ini dapat ditarikan mengikut gerak serta iramanya dengan caranya yang betul ia dapat menimbulkan rasa kasih sayang yang mempersonakan. Tarian ini biasa dipersembahkan di majlis-majlis perkahwinan, pesta bersukaria dan yang lain-lain.

TARINAI: Nama tarian ini berasal daripada tarian inai. Perkataan dua perkataan itu menjadi tarinai. Gerakan dan bentuk tarian ini sungguh menarik. Ketika menari tangan penari-penari menatang sebuah piring yang terpasang lilin di tengahnya. Tangan dan jari-jari penari bergerak lembut menghayati irama tari.

Menurut sejarahnya, tarian ini berkembang di zaman pemerintahan Tuanku Syed Alwi Jamalullail iaitu raja Perlis yang keempat (1904 — 1943). Pada mulanya ia merupakan tarian istana dan kemudiannya menjadi tarian masyarakat umum. Sesuai dengan namanya, tarinai dipersembahkan



Tarian Tarinai

di majlis berinai pengantin perempuan. Pada masa itu tarian ini ditarikan oleh penari-penari lelaki, tetapi ia ditarikan oleh penari-penari wanita sahaja.

Muzik yang mengiringi tarian ini dinamakan gendang tarinai. Ia menggunakan dua buah gong, dua buah gendang dan sebuah serunai. Tidak ada nyanyian mengiringi tarian tarinai. Lazimnya, selepas tarian ini selesai dipersembahkan barulah dilakukan upacara menginai pengantin atas pelamin. Persembahan tarinai akan diakhiri dengan tarinai.

AYAM DIDIK: Ungkapan ayam didik membawa erti ayam yang dipelihara dan dimanja-manjakan oleh tuannya. Tarian ini dinamakan dengan namanya, tarian ini menggambarkan sifat ayam para penari-penarinya. Nyanyian yang mengiringi tarian ini dikatakan sungguh memikat hati dan iramanya sangat impersona.

Keistimewaan gerak tarian ini ialah para penari cuba memikat antara satu sama lain dengan cara saling bergurau-mengurau. Rentak dan iramanya rancak dan menghiburkan. Muzik iringan adalah sama seperti muzik yang mengiringi tarian canggung.

Menurut ceritanya, tarian ini dicipta berasaskan kepada permainan menyabung ayam yang sangat digemari oleh orang-orang tengah-setengah kalangan masyarakat di Perlis pada suatu masa dahulu. Lagu yang mengiringinya bernama "Ayam Didik" juga. Antara senikatanya yang terkenal ialah:

Manalah dia adikku tadi
Padi tumpah di depan tangga
Manalah dia adikku tadi
Adik duk ada di depan mata.

HADRAH: Seni hadrah boleh terdapat di beberapa negeri di Semenanjung. Bagaimanapun ada perbezaan-perbezaan kecil tentang cara persembahan hadrah antara negeri-negeri dengan yang lainnya. Di beberapa tempat di Semenanjung seni hadrah dimainkan tanpa diiringi muzik.

dengan tarian. Di negeri-negeri bahagian utara Semenanjung termasuk Perlis, permainan hadrah disertai dengan tarian.

Penari hadrah terdiri daripada orang lelaki yang berpakaian perempuan. Suatu kumpulan hadrah biasanya mempunyai antara sepuluh hingga 14 orang. Enam hingga lapan orang mengambil bahagian atau berperanan sebagai pemukul gendang, dan empat orang lagi sebagai penari. Seni hadrah berasal dari Parsi yang telah disesuaikan dengan kesenian tempatan.

6. SELAMPIT: Seni selampit bukan sahaja terdapat di Perlis bahkan terdapat juga di negeri-negeri lain iaitu di Kelantan, Selangor dan Perak. Namun begitu selampit di negeri Perlis mempunyai coraknya sendiri. Kelainannya dengan selampit di negeri-negeri lain adalah pada cara persembahannya. Selampit di negeri ini dipersembahkan tanpa menggunakan sebarang alat muzik, ia menggunakan kemenyan.

Selampit adalah suatu bentuk bercerita yang disebut juga dengan nama penglipur lara. Tokoh selampit yang terkenal di Perlis adalah seorang tua berusia lebih kurang 80 tahun, bernama Ismail. Mengikut ceritanya, kisah atau cerita yang dibawa oleh Pak Ismail ini didapatinya dari mimpi. Antara cerita-cerita yang dipersembahkan adalah cerita Sampuk Pinang, Puteri Lindungan Bulan, Kedah Tua, Batu Belah Batu Bertangkup dan beberapa cerita yang lain lagi.


Selain daripada kehandalannya mempersembahkan selampit, Pak Ismail berkebolehan juga menari tarian layang Emas, pencak silat, menjadi dalang wayang kulit, menora dan pernah berlakon dalam teater bangsawan.

Seorang lagi tokoh selampit di negeri ini pada suatu masa dahulu bernama Awang Batil. Beliau mengembara dari satu tempat ke satu tempat untuk mempersembahkan selampit. Pada mulanya Awang Batil dikenali sebagai Awang Belanga. Ketika menyampaikan ceritanya beliau memukul batil yang dibawanya. Antara cerita-cerita yang disampaikan adalah cerita Jabat Jabet, Raja Dewa Lok dan Angan-angan.

sanya setiap cerita akan memakan masa beberapa malam.

UMUM: Negeri Perlis disifatkan sebagai anak kandung yang dilahirkan oleh Kedah Darul Aman. Gelarannya Indera Kangan adalah diambil daripada nama Kota Indera Kangan dalam negeri Kedah di zaman lampau. Ia seolah-olah lambangkan rasa kasih sayang abadi di antara kedua negeri yang asalnya satu itu. Tidak ada perbezaan budaya di antara kedua negeri ini. Bahasa percakapannya adalah sama dan bentuk rumah juga serupa. Demikianlah juga tentang seni tari dan adat resam masyarakat peribumi kedua-dua negeri ini pada hakikatnya adalah satu jua.

Kewujudan negeri Perlis adalah pengaruh langsung dari kerajaan Siam. Perlantikan raja Perlis yang pertama hingga ke yang keempat adalah dilakukan serta disahkan oleh raja Siam. Maka itu tidak hairanlah terdapat pengaruh budaya Siam dalam ciri-ciri budaya penduduk negeri Indera Kangan ini. Hingga kini hubungan masyarakat negeri Perlis dengan penduduk selatan Siam amat erat, terutamanya di bidang ekonomi. Adapun rakyat Siam yang berhampiran dengan Perlis itu pada umumnya berketurunan Melayu dan beragama Islam.



Rumah Melayu di Perlis

VI. *Kesan-Kesan Sejarah*

GUA-GUA BATU: Di negeri Perlis terdapat juga beberapa gua batu yang mempunyai kesan-kesan sejarah zaman purba. Mengikut kajian ahli-ahli sejarah dan kajipurba, kira-kira 8000 tahun sebelum Tahun Masihi, di beberapa kawasan utara telah didiami oleh manusia. Manusia yang dimaksudkan ialah manusia Zaman Batu Awal (Paleolithic), Zaman Batu Pertengahan (Mesolithic) dan manusia Zaman Batu Baru (Neolithic).

Antara gua-gua yang dimaksudkan ialah Gua Bukit Tungku Lembu, Gua Bukit Chuping dan Gua Bukit Pulau. Kajian pernah dibuat di Gua Bukit Chuping. Barang-barang tinggalan manusia di zaman purba telah ditemui. Antara barang-barang yang ditemui ialah beberapa perkakas dan alat-alat senjata yang dibuat daripada

Gua Bukit Tungku Lembu telah ditemui juga peninggalan manusia zaman purba, seperti periuk tanah, kapak dan pisau, gelang batu dan juga serpihan-serpihan tulang manusia. Barang-barang purba yang mempunyai unsur-unsur seni itu disimpan di Muzium Negara, Kuala Lumpur.

Di dalam Bukit Kapur Kurong Batang terdapat gua-gua yang mempunyai barang-barang purba berupa ketulan tanah liat berbentuk bulat dan bujur. Antara ketulan tanah liat itu terdapat lambang dewa agama Buddha Mahayana. Di dalam Gua Berhala yang terletak di mukim Berhala telah ditemui tinggalan perkakas-perkakas yang diyakini kepunyaan penganut-penganut agama Hindu.

2. **KAMPUNG WAI:** Perkataan Wai adalah berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa erti anak sungai atau cawangan sungai. Kampung Wai terletak lebih kurang empat kilometer ke hulu Kuala Perlis. Di kampung ini pernah dibina kubu untuk pertahanan negeri daripada serangan musuh.

Pembinaan kota di Kampung Wai adalah pada masa zaman Kedah di perintah oleh Maharaja Derma Raja. Baginda mengarahkan pembinaan kota dan kubu kerana mempertahankan negeri ini daripada serangan angkatan Rajendra Chola I yang dikatakan akan menyerang Kedah dari laut. Kota dan kubu itu didirikan di tanah tinggi dan tempat itu dinamakan Wai. Nama Kampung Wai kekal hingga sekarang.

3. **KOTA SENA:** Tempat ini lebih dikenali dengan namanya Perkuburan Tok Paduka. Kawasan perkuburan ini terletak di bahagian timur bandar Kangar iaitu di tepi jalan raya Kangar — Arau, di belakang Balai Bomba. Sebenarnya pada masa dahulu kawasan perkuburan itu dikenali sebagai Langgar Kota Sena.

Di sudut bahagian utara kawasan perkuburan itu terdapat berpuluh buah batu nisan lama. Di tengah-tengahnya adalah Makam Almarhum Sena iaitu Sultan Muhyiddin Mansur Syah, Sultan Kedah yang keempat belas, memerintah dari tahun 1651 hingga 1661. Almarhum Sultan Muhyiddin ditabalkan menjadi sultan Kedah di Istana Kota Naga. Kemudiannya baginda berpindah ke Kampung Sena, Kangar dijadikan bandar diraja.

Kawasan perkuburan itu kini dinamakan Perkuburan Tok Paduka kerana masih ramai keturunan alahyarham tinggal di Kampung Sena dan Kampung Padang Bahar. Tok Paduka adalah Orang Besar kepada Sultan Muhyiddin Syah, gelaran-nya ialah Datuk Paduka Maha Menteri. Puterinya yang kedua bernama Wan Ngah Sara dikahwinkan dengan Sultan Muhyiddin Mansur Syah.


KOTA INDERA KAYANGAN PERTAMA: Kota ini didirikan pada masa Kedah diperintah oleh Sultan Dhiauddin Al-mukarram Shah II iaitu putera Almarhum Sultan Muhammad Mansur Syah yang mangkat dalam tahun 1661 dan dimakamkan di Langgar Kota Sena (sekarang Perkuburan Paduka). Sultan Dhiauddin menitahkan dibina sebuah istana di suatu kawasan di tebing Sungai Perlis. Pada mulanya dinamakan Kota Palas tetapi kemudiannya digantikan dengan nama baru iaitu Kota Indera Kayangan.

Sultan Dhiauddin Al-mukarram Syah I mangkat dalam tahun 1687, dimakamkan di Langgar Kayang, bergelar Almarhum Kayang Pertama, Almarhum Dihilir atau Almarhum Dibalai. Kawasan makam baginda dilingkungi oleh pagar baka di dalam mukim Kayang.

KOTA INDERA KAYANGAN II: Kota ini telah didirikan oleh Tunku Dhiauddin (timang-timangannya Tunku Dhiyauddin) iaitu putera sultan Kedah yang ke — 19. Pada tahun 1771 Tunku Dhiauddin dilantik menjadi Raja Muda Kedah, diperintah Kayang (Perlis sekarang) dan Setul.

Pada tahun 1798 Tunku Dhiauddin dilantik menjadi sultan Kedah, bergelar Sultan Dhiauddin Muhammad Syah II. Baginda bersemayam di Istana Kota Kayangan II. Puteri baginda Tunku Safiah dikahwinkan dengan Sultan Harun Jamalullail. Dua peristiwa penting dalam sejarah perintahannya di Kedah ialah pertama: Mengurniakan hadiah kepada menantunya dan dilantik menjadi sultan Hulu Arau yang pertama. Peristiwa yang kedua iaitu pada tahun 1800 baginda menandatangani suatu perjanjian dengan pihak Inggeris di Pulau Pinang kerana menyerahkan daerah Perai kepada Inggeris.

Kawasan kota ini sekarang terletak di Kampung Kayang yang terletak di atas tebing terusan yang telah digali di zaman pemerintahan Sultan Dhiauddin Al-mukarram Syah. Di dalam kampung Kayang juga telah dibangunkan sebuah istana. Beberapa pecahan tembikar telah ditemui di kawasan itu.



Di Kampung Marhum Kayang

BEKAS-BEKAS TINGGALAN ACHEH: Pada masa ini Kedah menjadi sebahagian daripada Kedah, negeri Kedah telah diserang oleh askar-askar Aceh. Serangan itu telah berlaku dalam tahun 1619 dan angkatan Aceh diketuai oleh Sultan Muda Mahkota Alam. Sultan Kedah ketika itu adalah Sultan Sulaiman Syah II, bersemayam di Kota Kuala Kedah.

Setelah Kedah ditakluki Aceh, Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam membuat kubu dan kota. Langkah ini diambil untuk mempertahankan Kedah daripada serangan Siam dan Perak. Kota dan kubu didirikan di bahagian utara negeri Kedah iaitu kawasan negeri Perlis sekarang.

Empat buah kubu yang dibangunkan kota dan kubu pada masa itu terletak dari Kampung Panggau ke Kota Keran, dari selatan ke utara. Dari Bukit Lagi ke Kampung Teluk Nyiur Manis. Dari Bukit Lagi ke Kampung Sentua dan menuju ke Guar Syed Alwi dan ke Kuala Behor Pulau dan ke Jejawi. Dari situ ke Kampung Santan dan menuju ke Kampung Behor Inai terus ke Abi. Dari Kampung Abi menuju pula ke bahagian utara Bukit Lagi.

Pada masa ini hanya tinggal bekas beberapa bahagian kota dan kubu daripada seluruh kota dan kubu yang didirikan oleh orang-orang Aceh itu. Bahagian-bahagian yang lain telah ditakluki dan digunakan untuk dijadikan kawasan sawah. Namun demikian masih ada lagi pusara pahlawan dan panglima Aceh yang terletak berhampiran dengan bekas kota dan kubu Aceh itu.

TOK PERLIS: Pada masa Kedah dalam pemerintahan Sultan Muzaffar Syah II (1547 — 1602), pelabuhan perdagangan negeri ini ialah Kuala Kedah, Kuala Merbok, Kuala Muda dan Kuala Perlis. Barang-barang dagangan dari tiga pelabuhan ini, sebahagiannya dibawa ke Pantai Timur Tanah Melayu dan Ligor. Setelah membayar cukai, barang-barang dagangan itu dibawa dengan gajah. Antara pelabuhan itu Kuala Perlis paling hampir dengan Ligor dan barang-barang dibawa ke Kemboja dan ke negeri China.

Di Kuala Perlis telah dibina sebuah kota dan sebuah kota lagi dibina di Keran. Sultan Kedah telah melantik seorang hulubalang menjadi ketua dengan gelaran Datuk Syahbandar Kuala Perlis berserta dengan beberapa orang pembantunya. Gelaran tersebut dipendekkan menjadi Tok Perlis. Semua barang dagangan yang akan dibawa ke Ligor dengan gajah mesti dibayar cukai kepada Tok Perlis sahaja. Dari sejak itu Kuala Perlis semakin maju dan menjadi tempat tumpuan para pedagang dari India, Gujerat dan Arab. Pelabuhan-pelabuhan yang lain semakin mundur.

Dalam tahun 1614 Kota Pulau Ketam di Kuala Perlis ditawan dan dibakar oleh orang-orang Portugis. Tok Perlis dan beberapa orang hulubalang serta panglima-panglimanya turut terkorban kerana mempertahankan kota itu. Mayat Tok Perlis dan orang-orangnya dibawa mudik ke Kota Keran dan dikebumikan di atas tebing Sungai Perlis yang berhadapan dengan Kota Keran. Letak tempat tersebut kira-kira tiga kilometer dari bandar Kangar iaitu di Mukim Seriab.

RUJUKAN

1. Haji Buyong Adil. *Sejarah Perlis*: DBP. 1981
2. *Perkhidmatan Untuk Anda*: JPM.
3. *Berita Indera Kayangan* 1984.
4. Risalah: *Perlis Giat Membangun*.
5. Risalah: *Perlis Mencipta Kemajuan*.
6. *Cenderamata Dialog Utara III* 1986.
7. Risalah: *Pembukaan Rasmi Pej. Tanah dan Galian Negeri Perlis, 1985*.

Rakaman terima kasih kepada REJAB F.I. kerana sumbangan dan kerjasama bagi menjayakan penulisan buku ini.

